



KENYATAAN MEDIA

MAKLUMBALAS ISU BAIK PULIH JETI NELAYAN

(SINAR HARIAN, 20 FEBRUARI 2018)

1. Permohonan jeti bagi keseluruhan jeti-jeti di bawah seliaan LKIM iaitu sebanyak 51 buah jeti telah diluluskan secara dasar di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Jeti Negeri Selangor Bil. 4/2015 yang diadakan pada 7 Disember 2015.
2. Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS telah mengeluarkan surat pemakluman kelulusan kepada LKIM pada 26 Januari 2016 di mana LKIM perlu mendapatkan kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada Pejabat Daerah/Tanah (PDT) dan Kebenaran Merancang (KM) kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berkaitan sebelum LUAS mengeluarkan lesen jeti.
3. Sehingga hari ini, LUAS masih belum menerima sebarang permohonan lengkap atau plan ukur bagi semua jeti termasuk daripada LKIM untuk pengoperasian jeti.
4. Semakan status terkini dengan pihak LKIM mendapati kerja-kerja pengukuran jeti-jeti LKIM telah selesai dijalankan dan dalam peringkat mengemukakan permohonan penggunaan tanah kepada pihak Pentadbir Tanah.
5. LUAS juga telah membuat pemakluman kepada semua agensi dan pihak berkepentingan di setiap daerah yang terlibat. Bancian semula telah diadakan di setiap daerah bagi mendapatkan maklumat sebenar di tapak untuk langkah pemutihan jeti dilaksanakan.
6. Daripada bancian semula yang dijalankan, LUAS hanya menerima menerima permohonan jeti daripada kawasan Bagan Sekinchan dan Bagan Sungai Besar.



Permohonan jeti bagi kedua-dua kawasan ini telah diluluskan secara dasar di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Jeti Negeri Selangor.

7. Permohonan jeti sebanyak 86 buah jeti bagi kawasan Sekinchan telah mendapat kelulusan LMS melalui MMKN Bil 20/2017 bagi tempoh 2 tahun sehingga tanah yang dipohon diwartakan. Manakala kawasan Sungai Besar dalam peringkat penyediaan pelan ukur sebelum tindakan lanjut bagi kelulusan tanah dibuat oleh Pejabat Tanah Sabak Bernam.
8. Pendaftaran jeti ini adalah selaras dengan Seksyen 43 dan Seksyen 70 Enakmen LUAS 1999 yang mana ianya adalah sebagai langkah kawalan terhadap aktiviti yang berhampiran dengan sumber air. Dalam masa yang sama, kelulusan penggunaan tanah melalui Lesen Pendudukan Sementara (TOL) atau Permit Penggunaan Tanah perlu diperolehi oleh pemohon daripada pihak Pejabat Daerah/Tanah dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sementara tapak tersebut diwartakan dengan kadar caj yang ditetapkan oleh kedua-dua agensi/jabatan tersebut. Selain itu, kebenaran merancang atau kelulusan lain yang berkaitan juga perlu diperolehi daripada pihak berkuasa tempatan

LUAS telah menyediakan garis panduan pembinaan jeti perikanan yang melibatkan pembinaan struktur konkrit. Garis panduan ini terpakai bagi semua keadaan jeti perikanan sama ada di kawasan pantai, muara sungai dan pedalaman sungai. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kelulusan agensi lain terutamanya berkaitan dengan tanah. Sekiranya tanah berstatus TOL, pembinaan jeti konkrit adalah bertentangan dengan syarat TOL itu sendiri. Kerajaan Negeri memutuskan jeti konkrit boleh dibina sekiranya tanah tersebut merupakan tanah berstatus pajakan.

Disediakan oleh:

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR